

Headline	Kerjasama MARDI FRIM bangun industri herba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	A8	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	416 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,297
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,891



**KETUA** Pengarah MARDI, Datuk Dr. Abd. Shukor Abd. Rahman ketika majlis menandatangani MoU antara MARDI dan FRIM bagi kerjasama pembangunan industri herba.

# Kerjasama **MARDI-FRIM** bangun industri herba

**D**ALAM usaha meningkatkan nilai komersial industri herba, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pertukaran MoU itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik.

Beliau berkata, kerjasama tersebut membolehkan kedua-dua institusi penyelidikan memainkan peranan penting untuk meningkatkan daya saing industri herba di negara ini.

"MARDI dan FRIM akan berkongsi kepakaran dan kerjasama dalam penyelidikan berkaitan bidang hasil semula jadi, bioteknologi, pengeluaran bahan tanaman, lepas tuai dan pembangunan produk nilai tambah," katanya.

Tambah beliau, kerjasama itu juga membabitkan sokongan teknikal untuk penganjuran program keusahawanan.

Pada majlis tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menawarkan peruntukan geran berjumlah RM1 juta kepada FRIM bagi Projek Pembangunan Mendokumentasikan Perubatan Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

Geran projek tersebut mampu memperkasa dan mempertahankan khazanah perubatan tradisional Melayu.

Ini secara tidak langsung dapat memastikan ilmu perubatan tradisional terpelihara untuk generasi akan datang.



**ANTARA** pencapaian FRIM ialah memanfaatkan tumbuhan ubatan yang diperolehi daripada hutan.